

UM 10/6/2008 m.s No. 3

Barat perlu kutuk Islamofobia

KUALA LUMPUR 9 Jun - Negara-negara Barat digesa mengutuk Islamofobia secara terbuka sebagai cara untuk mendapat keyakinan semula daripada dunia Islam.

Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (QIC), Profesor Ekmeledin Ihsanoglu berkata, usaha itu dapat merapatkan jurang di antara dunia Barat dan Islam.

Beliau menggariskan 11 lagi tindakan yang boleh dilakukan oleh dunia Barat bagi merapatkan kedua-dua dunia semasa sesi pleno Persidangan Dunia Islam dan Barat di sini hari ini.

Dalam perbincangan yang bertajuk

'Merapatkan Jurang: Daripada Definisi ke Tindakan', Ekmeledin menegaskan, usaha merapatkan jurang antara dunia Barat dan Islam merupakan satu pencapaian utama.

Beliau menjelaskan 11 usaha tersebut, antaranya:

- Dialog terbuka di antara dunia Barat termasuk pemimpin-pemimpin kedua-dua dunia dalam menyelesaikan masalah, salah faham dan konflik yang wujud di akar umbi;

- Dialog dunia Islam dan Barat perlu dilaksanakan dengan rasa hormat dan saling memahami untuk membina hubungan persahabatan;

- Asas pendidikan yang berkualiti

berdasarkan prinsip aman, adil dan hak asasi manusia perlu dilaksanakan;

- Undang-undang perlu diwujudkan untuk melindungi dunia Barat dan Islam daripada penghinaan;

- Dialog di antara kedua-dua dunia perlu mencari kesamaan bukan perbezaan;

- Media perlu memainkan peranan untuk mewujudkan dialog di antara kedua-dua dunia;

- OIC dan kumpulan-kumpulan Barat di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York bekerjasama untuk menentang diskriminasi serta usaha untuk mewujudkan rasa kebencian terhadap orang Islam;

- Dialog untuk mewujudkan tolak ansur dan aman di peringkat akar umbi dan orang ramai perlu diadakan;

- Usaha perlu diambil untuk mengurangkan jurang digital di antara kedua-dua dunia serta pembangunan dilakukan dalam sumber manusia; dan

- Generasi muda perlu dilibatkan secara aktif dalam merapatkan jurang di antara dunia Islam dan Barat.

Ekmeledin mengakhiri pandangan beliau dengan menegaskan usaha untuk merapatkan jurang di antara dunia Islam dan Barat perlu diikuti dengan tindakan yang kukuh serta bukan retorik.